



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
DEPARTMENT OF NATIONAL UNITY AND INTEGRATION
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
MINISTRY OF NATIONAL UNITY
ARAS 10, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 7008
Faks : 03-8888 8575
Portal Rasmi : www.jpnin.gov.my

Ruj. Kami: JPN.01/09/01 JLD 2. (17)

Tarikh: 12 November 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL BIL.17/2024: GARIS PANDUAN PENYERTAAN PEGAWAI JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL BERAGAMA ISLAM DALAM PROGRAM ATAU PERAYAAN KEAGAMAAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Bil.17/2024: Garis Panduan Penyertaan Pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Beragama Islam Dalam Program atau Perayaan Keagamaan di Rumah Ibadat Bukan Islam untuk digunapakai oleh Pegawai JPNIN di Ibu Pejabat, Negeri, Daerah, Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara.

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab YBrs. Dr./tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan Garis Panduan yang ditetapkan ini dipatuhi sepenuhnya berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil. 17/2024: Garis Panduan Penyertaan Pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Beragama Islam Dalam Program atau Perayaan Keagamaan di Rumah Ibadat Bukan Islam untuk perhatian dan tindakan pihak YBrs. Dr./tuan/puan selanjutnya.


5. Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah
Aras 3, Zon B, Wisma Persekutuan
Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah
2. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perlis
Bangunan Tun Abdul Razak
01000 Kangar
Perlis
3. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang
Aras 5, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 George Town
Pulau Pinang
4. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perak
Aras 3, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
Perak
5. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor
Tingkat 9, Wisma PKPS
Persiaran Perbandaran
Seksyen 14
40517 Shah Alam
Selangor
6. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 22 & 27
Menara TH Selborn
No.153, Jalan Tun Razak
50400 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

7. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 8, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya
8. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan
Tingkat 12, Wisma Persekutuan, Jln Dato Abdul Kadir
70000, Seremban
Negeri Sembilan
9. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Melaka
Aras 3, Blok Podium, Menara Persekutuan, MITC
75450 Ayer Keroh
Melaka
10. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor
Tingkat 20, Bangunan KWSP
Jalan Dato' Dalam
80000 Johor Bahru
Johor
11. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pahang
Tingkat 2, Blok A-B
No. 211, 213, 217 & 218
Bangunan Centre Point
Jalan Haji Abdul Rahman
25000 Kuantan
Pahang
12. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan
Tingkat 7, Wisma Persekutuan
15200 Kota Bharu
Kelantan
13. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu
Tingkat 1, 2 dan 3
No. 22, Pusat Niaga Paya Keladi
Jalan Dalam Kota
20100 Kuala Terengganu
Terengganu

14. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak
Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
Peti Surat 2384
93300 Kuching
Sarawak
15. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sabah
Aras 3, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Jalan UMS, WDT No. 433
88450 Kota Kinabalu
Sabah
16. Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Labuan
Blok 4, Tingkat 4 (4A-1)
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
Peti Surat 81279
87022, Wilayah Persekutuan Labuan

EDARAN DALAMAN

1. Pengarah
Institut Kajian Dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)
2. Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Pengarah
Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan
4. Pengarah
Bahagian Kesepaduan Sosial & Integrasi Nasional
5. Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan
6. Pengarah
Bahagian Korporat
7. Pengarah
Bahagian Pengurusan Perpaduan
8. Pengarah
Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama
9. Ketua Unit
Unit Integriti



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL BIL.17/2024: GARIS PANDUAN SECARA DALAMAN PENYERTAAN PEGAWAI JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL BERAGAMA ISLAM DALAM PROGRAM ATAU PERAYAAN KEAGAMAAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan mengenai penyertaan Pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) khasnya yang beragama Islam dalam program atau perayaan keagamaan di Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

2. PENDAHULUAN

- 2.1. Garis Panduan secara pentadbiran ini, diwujudkan bagi menyediakan panduan kepada pegawai-pegawai JPNIN khasnya yang beragama Islam dalam menyertai sesuatu program perpaduan di RIBI dan perayaan keagamaan bukan Islam berikutan daripada beberapa insiden membabitkan penganut beragama Islam ke majlis atau program di RIBI.
- 2.2. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama, bangsa, adat dan budaya. Kepelbagaian ini sudah tentu menjadikan kita lebih terbuka dan bertolak ansur tanpa mengabaikan prinsip-prinsip Islam.

Meraikan suasana masyarakat yang pelbagai ini khususnya ketika menyambut perayaan menjadikan kita satu komuniti yang harmoni, cintakan keamanan, hormat menghormati, ikhlas membina hubungan kemanusiaan dan mengharapkan keamanan ini kekal selamanya.

2.3. Umum mengetahui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berperanan penting dalam melaksanakan program perpaduan dengan merangka dan menggerakkan inisiatif yang telah diluluskan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Program yang dilaksanakan bertujuan untuk memupuk perpaduan, keharmonian, serta saling menghormati antara pelbagai kaum dan agama di negara ini. Melalui program tersebut diharapkan supaya rakyat Malaysia dapat meningkatkan pemahaman dan menghargai keunikan kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia.

2.4. Berikut adalah beberapa kriteria umum program-program yang dapat meningkatkan keharmonian:

- i. Program yang dianjurkan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang amalan, budaya, dan nilai agama yang berbeza;
- ii. Meningkatkan toleransi dan saling menghormati antara penganut agama yang berbeza di Malaysia; dan
- iii. Membangunkan sikap positif terhadap kepelbagaian agama dan budaya.

3. RASIONAL

- 3.1. Menghasilkan satu Garis Panduan sebagai rujukan pegawai JPNIN beragama Islam semasa menghadiri program atau perayaan keagamaan dalam dan di luar RIBI;
- 3.2. Menjelaskan tatacara penyertaan pegawai JPNIN beragama Islam di program atau perayaan keagamaan bukan Islam; dan
- 3.3. Memberi penjelasan dan pengetahuan kepada pegawai JPNIN beragama Islam mengenai perkara-perkara yang melanggar batas prinsip Islam dan menjaga sensitiviti agama Islam.

4. TAKRIFAN

- 4.1. **RIBI** bermaksud tempat melaksanakan upacara agama orang bukan Islam. Ia merupakan pusat keagamaan iaitu kawasan atau binaan yang lazimnya menjadi tempat dijalankan upacara ritual agama yang dikawal selia secara terus oleh badan keagamaan bukan Islam yang terdiri daripada katedral (gereja besar daerah di bawah bidang kuasa seorang biskop), gereja, kapel (gereja kecil), tokong, gudwara, wat dan kuil (Hindu, Baha'i).
- 4.2. **Perayaan-Perayaan Keagamaan Bukan Islam** bermaksud sambutan yang dituntut atau yang dikaitkan dengan kepercayaan dalam ajaran agama bukan Islam kepada penganutnya seperti Deepavali, Pesta Ponggal, Thaipusam,

Wesak, Chap Goh Mei, Tarian Singa atau Naga, Pesta Kaamatan, Perayaan Gawai, Krismas, *Thanksgiving Day* dan lain-lain aktiviti bukan agama Islam.

- 4.3. **Pegawai JPNIN** bermaksud pegawai JPNIN yang bertugas di Ibu pejabat, JPNIN Negeri, JPNIN Daerah, Guru Tabika Perpaduan, Penolong Guru Tabika Perpaduan, Pendidik Taska Perpaduan dan Penolong Pendidik Taska Perpaduan.

5. SUMBER RUJUKAN

- 5.1. Garis Panduan ini perlu dibaca dengan merujuk juga kepada Senarai Aktiviti Keagamaan dan Aktiviti Kebudayaan di lampiran A dan Senarai Fatwa Mufti Mengenai Penyertaan Penganut Islam Di RIBI Dan Perayaan Agama Bukan Islam di lampiran B. Kandungan sumber rujukan ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

6. PROSEDUR MENGHADIRI PROGRAM ATAU PERAYAAN KEAGAMAAN BUKAN ISLAM

- 6.1. Pegawai JPNIN beragama Islam dibenarkan menghadiri program atau perayaan keagamaan yang tidak melibatkan aktiviti berunsur kepercayaan agama bukan Islam dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Rujuk Lampiran A dan B;
- 6.2. Pegawai JPNIN beragama Islam perlu memastikan tiada simbol keagamaan seperti salib dan patung penyembahan kelihatan dalam gambar semasa bergambar di program atau perayaan agama bukan; dan

- 6.3. Pegawai JPNIN beragama Islam dibenarkan menerima dan memberi hadiah semasa program atau perayaan keagamaan bukan Islam jika hadiah tersebut tidak mengandungi simbol atau unsur kepercayaan agama bukan Islam dan hadiah yang tidak melanggar hukum dalam agama Islam. Rujuk Lampiran B;
- 6.4. Pegawai JPNIN beragama Islam tidak dibenarkan memakai perhiasan dan berpakaian seperti baju santa claus, tanda di dahi "kumkuma", "pottu", "bindi" dan lain-lain perhiasan berunsur kepercayaan agama bukan Islam. Rujuk Lampiran B;
- 6.5. Pegawai JPNIN beragama Islam dibenarkan menghadiri jamuan makan semasa perayaan bukan Islam yang menghidangkan makanan yang halal dan tiada upacara-upacara keagamaan bukan Islam. Rujuk Lampiran B; dan
- 6.6. Pegawai JPNIN beragama Islam dibenarkan menghadiri program seperti hari perayaan bukan Islam sekadar bertujuan untuk merapatkan perhubungan sesama manusia. Ini adalah di luar daripada konteks meraikan agama bukan Islam. Pegawai perlu memastikan perayaan yang dihadiri itu tidak mengandungi perbuatan yang bercanggah dengan akidah dan ajaran Islam. Rujuk Lampiran B.

7. TANGGUNGJAWAB JPNIN

- 7.1 JPNIN harus mengutamakan Pegawai JPNIN bukan Islam sekiranya perlu melaksana dan menyertai program yang melibatkan program atau aktiviti kepercayaan agama bukan Islam;

- 7.2 Dalam konteks JPNIN sebagai pelaksana program perpaduan, Pegawai JPNIN beragama Islam boleh hadir dengan syarat tidak terlibat dengan aktiviti keagamaan dan niat hadir ke program tersebut kerana tugas yang diarahkan, bukan untuk meraikan;
- 7.3 Sekiranya program tersebut dilaksanakan oleh penganjur luar, Pegawai JPNIN perlu mendapatkan maklumat mengenai atur cara dan pengisian aktiviti yang akan dilaksanakan sebelum menghadiri sesuatu program;
- 7.4 Jika terdapat aktiviti keagamaan dalam atur cara program, Pegawai JPNIN hendaklah memaklumkan kepada penganjur tentang masa kehadiran beliau tidak semasa aktiviti keagamaan tersebut. Penganjur perlu mengatur supaya aktiviti keagamaan dibuat awal sebelum kedatangan pegawai atau selepas pegawai meninggalkan program; dan
- 7.5 Sekiranya Pegawai JPNIN tidak mendapat maklumat mengenai adanya aktiviti keagamaan dalam sesuatu program itu, dan Pegawai tersebut tiba-tiba dijemput untuk turut sama dalam aktiviti keagamaan tersebut, maka beliau hendaklah menerangkan kepada penganjur secara berhemah bahawa penganut agama Islam tidak boleh melakukan perkara itu oleh sebab bertentangan dengan ajaran Islam.

8. PEMAKAIAN

Pemakaian Garis Panduan ini terhad dan terpakai kepada pegawai JPNIN dan khasnya kepada pegawai yang beragama Islam sahaja dan berkuatkuasa mulai 13 November 2024.

9. PENUTUP

Garis Panduan ini berdasarkan kepada prinsip-prinsip utama agama Islam dan digunapakai secara dalaman oleh Pegawai JPNIN. Disediakan sebagai tatacara dan rujukan kepada pegawai-pegawai JPNIN khususnya yang beragama Islam. Ia menjadi rujukan untuk pegawai JPNIN dalam merancang, melaksana dan menyertai program atau perayaan keagamaan bukan Islam.

10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Emel: bheajpnin@perpaduan.gov.my

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Tarikh: 13/11/24 .

RUJUKAN

24 Festive Drums Performance. Lion Dance Performance

<https://www.liondanceperformance.com/lion-dance-performance/24-festive-drums-performance/>

A Lunar New Year Staple, Tang Yuan Are a 'Dose of Luck and Sweetness',

Smithsonian Magazine <https://www.smithsonianmag.com/travel/a-lunar-new-year-staple-tang-yuan-are-a-dose-of-luck-and-sweetness-180983739/>

Adat Dan Kepercayaan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah

https://www.academia.edu/41182736/ADAT_DAN_KEPERCAYAAN_ETNIK_KADAZANDUSUN_DI_SABAH

Celebrating lantern-lit heritage, The Sun <https://thesun.my/style-life/celebrating-lantern-lit-heritage-JL12919123>

Chinese New Year Firecrackers: Why Set Off and Meaning, China Highlights

<https://www.chinahighlights.com/travelguide/festivals/chinese-new-year-firecrackers.htm#:~:text=In%20traditional%20Chinese%20culture%2C%20firecrackers,sound%20scared%20away%20the%20monster>

Dragon Boat Festival and its traditions, People's Daily

<http://en.people.cn/n3/2023/0621/c90000-20034414.html>

Dragon Dance. National Museum of Asian Art <https://asia-archive.si.edu/learn/for-educators/teaching-china-with-the-smithsonian/videos/dragon-dance/>

Garis Panduan Orang Islam Turut merayakan Hari Kebesaran Agama Orang

Bukan Islam, JAKIM <https://www.Islam.gov.my/ms/garis-panduan/470-garis-panduan-orang-Islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-Islam>

Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang

Bukan Islam, JAKIM <https://www.Islam.gov.my/ms/garis-panduan/470-garis-panduan-orang-Islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-Islam>

Pesta Tanglung Kuih Bulan Satu Sisi Pandang, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/647-bayan-linnas-siri-ke-118-pesta-tanglung-kuih-bulan-satu-sisi-pandang>

Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain Dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian Di Gereja, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja>

Doa Bersama Dengan Bukan Islam Dalam Satu Majlis, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2883-bayan-linnas-siri-ke-156-doa-bersama-dengan-bukan-Islam-dalam-satu-majlis>

Had Berinteraksi Dengan Agama Lain Di Dalam Rumah Ibadat Mereka Di Malaysia, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2755-bayan-linnas-siri-ke-152-had-berinteraksi-dengan-agama-lain-di-dalam-rumah-ibadat-mereka-di-malaysia>

Hukum Memakai Bindi Dan Sari Di Dalam Islam, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4652-irsyad-al-fatwa-siri-ke-545-hukum-memakai-bindi-dan-sari-di-dalam-Islam>

Hukum Orang Islam Menggantung Tanglung Tahun Baru Cina, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5111-al-kafi-1854-hukum-orang-Islam-menggantung-tanglung-tahun-baru-cina>

Hukum Umat Islam Melibatkan Diri Dalam Perarakan Sambutan Sun Wu Kong Festival Parade, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5433-irsyad-al-fatwa-siri-ke-727-hukum-umat-Islam-melibatkan-diri-dalam-perarakan-sambutan-sun-wu-kong-festival-parade>

Penglibatan Orang Islam Dalam Majlis Yang Terdapat Ritual Keagamaan Bukan Islam, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/5732-bayan-linnas-siri-ke-271-penglibatan-orang-Islam-dalam-majlis-yang-terdapat-ritual-keagamaan-bukan-Islam>

Hukum Orang Islam Menyertai Perayaan Bon Odori, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/5287-bayan-linnas-siri-ke-254-hukum-orang-Islam-menyertai-perayaan-bon-odori>

Fatwa Hukum Ucapan Selamat Sempena Perayaan Agama Lain, Mufti Sabah

https://mufti.sabah.gov.my/images/laman-utama/perkhidmatan-asas/e-fatwa/keputusan_mfns/Fatwa_Hukum_Ucapan_Selamat_Sempena_Perayaan_Agama_Lain.pdf

Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Selamat Sempena Perayaan Agama Lain, Mufti Sarawak

https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/eDNSK25seHZiWIBnWGNiY3NqY2ROdz09OjgRXkUAj_0ca_2q49-ymmmGr/VDk0VWNrbGowMDImY3pyYXIeElgzdz09OjpDiBtxv0fRc5o2ribFZ1IS/FATWA/WUliN0IZZmZhYTgwNHdScy94NnVjZz09OjrUBoMcTV4C3HxkriKT_Lvq/SFcZWWd2VFdHSTJ4UnlvVmQ0K2hHZZ09OjpXyYG8483X-Bdiw3PTsT6F/FATWA/ZTJhTHpKaThXMVhKWFFaUjkzZC9TUT09OjrBpaJmCbJFz5ne8NNI8-Qe/WDd0bUVKSmhIVXdvMHRjaTYvZDg5Zz09OjrQ3zCpLnB4nkYYvrqCTI1w/FATWA/ejBBN2d1VFpaZ05xYVRiU3pHU1dadz09OjrheZMNfHdUo-Cf0zxaW9gW/WVZ1MzljYXJQdDhZdIBYbzZnbWFJZz09Ojo2gwJXqvSFPPrxIN-b9IS1P/FATWA/QTg1OEpGcVZTME1WZjI0WXV1UkJHdz09OjqA4tnILF8A1beNBJ7HRci/ZEZHdFI5OFJnSENTQk5kcnJrTnIOZz09OjpX2qgmWo5Cs4Th1re0-L5c/FATWA/

Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara, Mufti Sarawak

https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/R0IRNnZmWnpHME00TE5IK3d6VCtPUT09Ojr09lrDeBDRjoRpzscCE1-g/U09ncEFKYWlrdVIEQ3lpbVlmbnRkUT09Ojp9pNWspPCfkQOuggyYdVG3/FATWA/

Hukum Meminta Orang Bukan Islam Sama-Sama Berdoa Mengikut Anutan Masing-Masing Dalam Satu Majlis Yang Dihadiri Oleh Penganut Pelbagai Agama, Mufti Sarawak

https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/RXBZNTkzT3ZXMC9TRVBpbmdQNE85dz09OjqTcUbuRXUV6VYUpN43iHsZ/TTZvUUK4SERCKzhkamlETzU1NmFmZz09Ojq0JYod-dVkimAJZx5DIT2/FATWA/

Kedudukan Senaman Yoga Di Kalangan Umat Islam, Mufti Sarawak

https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/Tm5yRHNNVnBLRi8rTXJ6cDcrWUNuQT09Ojr0usxaxBc-BPU2j-dm8n6Q/emtpbG9oVx6aWpMREVKUN6OExmZz09OjqxK3-7pPN6YLT9Z9kaISTZ/FATWA/

Hukum Ucapan Sempena Perayaan Agama Lain, Mufti Perlis

<https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/190-hukum-ucapan-sempe-na-perayaan-agama-lain-2>

Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Perayaan Bukan Islam Dalam Konteks

Malaysia, Mufti Perlis <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/132-hukum-penglibatan-orang-islam-dalam-perayaan-bukan-islam-dalam-konteks-malaysia>

Hukum Orang Islam Memasuki Rumah Ibadah Bukan Islam, Mufti Perlis

<https://Muftiperlis.Gov.My/Index.Php/Himpunan-Fatwa-Negeri/850-Hukum-Orang-Islam-Memasuki-Rumah-Ibadah-Bukan-Islam>

Fatwa Mengenai Kedudukan Senaman Yoga Bagi Umat Islam, Mufti Pulau Pinang

<https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/fatwa/warta/386-fatwa-mengenai-kedudukan-senaman-yoga-bagi-umat-islam-8-oktober-2009/file>

Fatwa Mengenai Kedudukan Senaman Yoga, Mufti Perak

https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/yoga.pdf

Penglibatan Orang Islam Dalam Candlelight Vigil, Mufti Perak

https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/irs-yad/2022/14vigil.pdf

Penglibatan Orang-Orang Islam Dalam Upacara Perasmian Berunsur Keagamaan, Mufti Kelantan

<https://mufti.kelantan.gov.my/index.php/component/content/article/penglibatan-orang-orang-islam-dalam-upacara-perasmian-berunsur-keagamaan-2?catid=10&Itemid=101>

Fatwa Mengenai Senaman Yoga, Mufti Kelantan

<https://mufti.kelantan.gov.my/index.php/component/content/article/fatwa-mengenai-senaman-yoga?catid=10&Itemid=101>

Larangan Senaman Yoga, Mufti Melaka <https://muftimelaka.gov.my/wp-content/uploads/2021/02/FATWA15-Larangan-Senaman-Yoga.pdf>

Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Orang Bukan Islam, Mufti Negeri Sembilan

<https://muftins.gov.my/fatwa/orang-Islam-mengucapkan-tahniah-dan-ucapan-selamat-bersempena-perayaan-agama-orang-bukan-Islam/>

Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara, Mufti Negeri Sembilan

<https://muftins.gov.my/fatwa/penglibatan-orang-Islam-dalam-aktiviti-candlelight-vigil-pada-sesuatu-perhimpunan-atau-acara/>

Permainan Kuda Kepang, Mufti Johor

https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=980

Fatwa Orang Islam Hadir Ke Upacara Perayaan Penganut Agama Bukan Islam, Mufti Johor

https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=634

Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti 'Candle Light Vigil' Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara, Mufti Johor

https://Said.Johor.Gov.My/Perkhidmatan/Paparan_Detail_Fatwa.Php?Id=581

Hongbao: The who, how and what of Chinese red envelopes, CLI

<https://studycli.org/chinese-culture/hongbao/>

Hukum Mengucapkan Merry Christmas Kepada Mereka Yang Beragama Kristian, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2099-bayan-linnas-siri-ke-81-hukum-mengucapkan-merry-christmas-kepada-mereka-yang-beragama-kristian>

Hukum Menyambut Tahun Baru Cina, Mufti Wilayah Persekutuan

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1829-bayan-linnas-siri-48-hukum-menyambut-tahun-baru-cina>

Kehangatan Deepavali semakin dirasai dengan adanya 'Kolam', Free Malaysia Today

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/10/27/kehangatan-deepavali-semakin-dirasai-dengan-adanya-kolam/>

Knock, knock. Who's there? Door couplets are no joke during Spring Festival, CGTN

<https://news.cgtn.com/news/2020-01-24/Chunlian-Penmanship-meets-poetry-in-lucky-Spring-Festival-couplets-NuzoycEpVe/index.html>

Lagenda Huminodun, Ketahui Sejarah Menarik di SEBALIK Pertandingan Unduk Ngadau Sabah. <https://www.iloveborneo.my/lagenda-huminodun-sejarah-unduk-ngadau-sabah/>

Lion Dance History. WECA UK Lion Dance <https://www.liondanceuk.com/about-us/history>

Melihat ke Hadapan Dalam Isu Ziarah Rumah Ibadah, Portal Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri <https://zulkifliabakri.com/20-al-mawaqif-melihat-ke-hadapan-dalam-isu-ziarah-rumah-ibadah/>

Memahami Sejarah Pesta Kaul <https://www.rakansarawak.com/v3/2022/08/12/memahami-sejarah-pesta-kaul/>

Nasi Ponggal, PERIUK <https://www.periuk.my/ms/resepi/nasi-ponggal/>

Pesta Tanglung Kuih Bulan Satu Sisi Pandang, Mufti Wilayah Persekutuan <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/647-bayan-linnas-siri-ke-118-pesta-tanglung-kuih-bulan-satu-sisi-pandang>

Riwayat Chang E Terbang ke Bulan, CRI Online <https://malay.cri.cn/20180304/1cd4640a-fc3d-3c0b-3e8a-4747479861aa.html>

The intriguing stories behind Chap Goh Mei, Free Malaysia Today <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2020/02/08/the-intriguing-stories-behind-chap-goh-mei/>

'Tuah' Yee Sang pada tahun baru Cina, Malaysiakini https://www.malaysiakini.com/news/507849#google_vignette

LAMPIRAN A

SENARAI AKTIVITI KEAGAMAAN DAN AKTIVITI KEBUDAYAAN

24 OKTOBER 2024

Disusun oleh:

**Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional**

SENARAI AKTIVITI KEAGAMAAN DAN AKTIVITI KEBUDAYAAN**AKTIVITI KEBUDAYAAN KAUM MELAYU: TARIAN MAKYUNG**

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
1.	Tarian Makyung		/	Tarian Makyung dikaitkan dengan kepercayaan animisme, di mana persembahan ini sering dilakukan sebagai sebahagian daripada upacara pemulihan tradisional yang dikenali sebagai "Main Puteri," bertujuan untuk menyembuhkan penyakit secara spiritual. Walaupun asal usulnya berakar pada kepercayaan lama, Makyung telah diiktiraf sebagai warisan budaya Malaysia yang penting. Pada tahun 2005, UNESCO mengiktiraf Makyung sebagai "Warisan Kemanusiaan Lisan dan Tidak Ketara."

AKTIVITI KEBUDAYAAN KAUM MELAYU: TARIAN KUDA KEPANG

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
2.	Tarian Kuda Kepang		/	Tarian Kuda Kepang juga mempunyai unsur mistik, di mana penarinya kadang-kadang dipercayai "dirasuk" oleh semangat ketika melakukan persembahan, menyebabkan mereka menari dalam keadaan di luar kawalan diri. Oleh kerana unsur-unsur ini, tarian Kuda Kepang sering dianggap sebagai sebahagian daripada upacara ritual atau keagamaan dalam masyarakat tradisional Jawa.

PERAYAAN KAUM CINA: SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
------	----------	-----------	------------	------------

3.	Tarian Singa	/		Menurut kepercayaan kaum cina .."asal usul menceritakan bahawa Singa asalnya makhluk nakal dari kayangan yang dihukum ke Bumi. Dewa Guan Yin merasa kasihan dan menambah unsur mistik untuk menjadikannya kuasa kebaikan." Lion Dance History, WECA UK Lion Dance
Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
4.	Tulis Chun Lian	/		Tulisan Kaligrafi Cina ini adalah satu tradisi berasal daripada upacara Taoisme, di mana potret dewa pintu digantung pada malam Tahun Baru Cina untuk menghalang roh jahat daripada memasuki rumah, menurut cerita rakyat Cina. <u>Knock, knock. Who's there? Door couplets are no joke during Spring Festival, CGTN</u>
5.	Main mercun api	/		Menurut kepercayaan tradisional Cina, mercun pada asalnya digunakan untuk menakutkan roh jahat. <u>Chinese New Year Firecrackers: Why Set Off and Meaning, China Highlights</u>
6.	Gendang 24 Musim		/	"24 Gendang Perayaan terdiri daripada 24 gendang yang mewakili kitaran 24 perayaan dalam kalendar lunar masyarakat pertanian Cina, dengan setiap gendang mewakili satu perayaan." <u>24 Festive Drums Performance, Lion</u>

				<u>Dance Performance</u>
7.	Yee Sang	/		"Ia juga turut dikaitkan dengan sebuah legenda atau mitos iaitu Dewi Nu Wa yang kononnya mencipta manusia pada hari ketujuh selepas tahun baharu dan hidangan Yee Sang disediakan oleh kaum nelayan dan pelaut China Selatan ketika itu bagi memperingati kisah itu" <u>'Tuah' Yee Sang pada tahun baru Cina, Malaysiakini</u>
8.	Angpau	/		Menurut kepercayaan Kaum Cina pemberian angpau berasal daripada kisah mitos seorang ibu melindungi anaknya, dengan meletakkan 8 syiling bertuah ke dalam sampul merah dan menyelitkannya di bawah bantal anaknya sebelum keluarga itu tidur. Mereka percaya 8 syiling mewakili 8 Dewa Abadi. <u>Hongbao: The who, how and what of Chinese red envelopes, CLI</u>
Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
9.	Main / gantung Tanglung (ketika Chap Goh Mei)	/		Menurut mitos lama, Maharaja Jade merancang untuk membakar sebuah kampung kerana burung krennya dibunuh. Untuk menyelamatkan diri, penduduk kampung menggantung tanglung merah dan menyalakan mercun agar kelihatan kampung sudah terbakar. Maharaja Jade tertipu lalu membiarkan kampung itu, dan

				sejak itu, perarakan tanglung dan mercun diraikan pada hari ke-15 Tahun Baru Cina. <u>The intriguing stories behind Chap Goh Mei, Free Malaysia Today</u>
--	--	--	--	---

PERAYAAN KAUM CINA: PERAYAAN PERAHU NAGA

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
10.	Masak Bak Chang	/		"Zongzi pada asalnya digunakan untuk memuja nenek moyang dan dewa-dewa, tetapi kemudian, pada zaman Dinasti Jin, Zongzi menjadi makanan perayaan." <u>Dragon Boat Festival and its traditions, People's Daily</u>

PERAYAAN KAUM CINA: PERAYAAN KUIH BULAN

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
11.	Makan kuih bulan	/		Menurut kepercayaan Kaum Cina asal usul Kuih Bulan adalah tentang sorang manusia bernama Chang E yang telah terbang ke bulan dan menjadi dewi. Sejak itu, rakyat mula memuja bulan untuk menghormati Chang E pada hari ke-15 bulan ke-8 dalam kalendar Cina hingga tradisi ini menjadi Pesta Kuih Bulan China" <u>Riwayat Chang E Terbang ke Bulan, CRI Online</u>

4. PERAYAAN KAUM CINA: PERAYAAN DONG ZHI

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
------	----------	-----------	------------	------------

12.	Masak Tang Yuan	/		Kepercayaan Kaum Cina terhadap Lagenda Yuan Xiao, seorang pelayan istana yang kesepian, mendapat bantuan dari rakannya yang merancang acara membuat tang yuan di seluruh bandar untuk mengelakkan malapetaka. Ini juga membawa kepada perjumpaan semula Yuan Xiao dengan keluarganya. <u>A Lunar New Year Staple, Tang Yuan Are a 'Dose of Luck and Sweetness', Smithsonian Magazine</u>
-----	-----------------	---	--	--

5. PERAYAAN KAUM INDIA: HARI DEEPAVALI

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
13.	Hiasan Kolam	/		"Hiasan kolam ini merupakan lambang penyembahan dewa Lakshmi, dewa kekayaan yang dipercayai hanya akan mengunjungi rumah yang mempunyai hiasan 'kolam' di pintu masuk rumah" <u>Kehangatan Deepavali semakin dirasakan dengan adanya 'Kolam', Free Malaysia Today</u>

PERAYAAN KAUM INDIA: PESTA PONGGAL

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
14.	Masak Nasi Manis	/		"Dibuat dengan beras yang baru dituai, hidangan ini menandakan akhirnya solstis musim sejuk, dan dipersembahkan kepada dewa dan dewi sebelum dikongsi bersama keluarga dan sahabat handai" <u>Nasi Ponggal, PERIUK</u>

PERAYAAN SUKU KAUM DI SARAWAK: HARI GAWAI

Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
15.	Upacara membuat tapai	/		Menurut kepercayaan Suku Kaum Iban, setiap keluarga akan menyediakan berjenis-jenis biji- bijian seperti beras pulut dll. Ramuan ini amat mustahak, kerana dikhaskan untuk seorang dewi, Indai Bilai supaya tidak mengganggu tuak yang dibuat. Adat Resam Masyarakat Iban JPNIN JPM
16.	Acara Ngalu antu	/		Mengalu-alukan dewa dewi dilakukan di tanju di tengah pukulan gong Adat Resam Masyarakat Iban JPNIN JPM
17.	Upacara Ngeratuk dan Nganyam	/		Tempayan adalah tempat untuk roh pengayam berlindung, pinggan sebagai perisai untuk menghindari penganyam daripada diancam oleh sebarang kecelakaan dan parang sebagai penguat semangat semasa menjalankan tugas (m/s 34) Adat Resam Masyarakat Iban JPNIN JPM
18.	Upacara Miring	/		Pemujaan dewa dewi (m/s 56) Adat Resam Masyarakat Iban JPNIN JPM
19.	Upacara <i>Tangga</i>	/		Upacara Memanggil Keling Kumang merupakan sebuah ritual yang

	<i>Keling</i>			dilakukan oleh warga suatu kampung pada pagi hari sebelum matahari terbit. Adat Resam Masyarakat Iban JPNIN JPM
Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
20.	Tarian Ngajat (Dayak)	/		Tarian Ngajat mempunyai makna yang signifikan dan sakral dalam budaya Iban bergantung dengan upacara dan ritual yang dijalankan oleh masyarakat tersebut (Abstrak, M/s : 70) Ngajat Iban: Satu penelitian budaya Ngajat Iban: A Cultural Study Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak
21.	Pesta Kaul (Melanau)	/		Jika dahulunya, Pesta Kaul dirai oleh masyarakat Melanau 'Pagan' bagi memuja roh-roh yang dipercayai menjadi sumber pendapatan mereka tetapi dengan adanya perubahan agama dan anutan, masyarakat Melanau turut mengubah aplikasi dan kepercayaan Kaul.
22.	Pisa Tibow		/	Satu permainan yang digemari terutamanya golongan remaja untuk mereka berkaul dan sebagai simbol perpaduan dan bersuka ria.
23.	Tarian Mengarang	/		Kebiasaannya, masyarakat Melanau akan mempersembahkan tarian-tarian

	Menyak (Melanau)			mereka di perayaan "Pesta Kaul" atau Puja Panta
24.	Gawai Nyaruk (Bidayuh)	/		Perayaan bersifat Sosial untuk mempelawa dan menyambut penduduk ke perjamuan. Objektifnya menghalau makhluk jahat dari kampung dan meminta dewa - dewa kamang membantu mereka agar buah-buahan dan padi subur (m/s:15-16, 2004) Adat Resam Kaum Bidayuh Norma-norma dan Nilai Budaya Robert Sulis Ridu dan Jonas Noeb
25.	Gawai Birantu/ Tulak Bala	/		Upacara menghalau mahluk jahat supaya tidak mengganggu penduduk kampung dan tanaman. Berapa ekor Babi dan ayam akan disembelih dan dimasak. Adat Resam Kaum Bidayuh Norma-norma dan Nilai Budaya Robert Sulis Ridu dan Jonas Noeb
PERAYAAN SUKU KAUM DI SABAH: PERAYAAN TADAU KAAMATAN				
Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
26.	Upacara Magavou	/		Upacara kesyukuran bagi menghormati semangat padi. Upacara ini dijalankan oleh Bobohizan atau ketua bomoh dengan membaca mantra ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI SABAH

27.	Unduk Ngadau	/		Unduk Ngadau merujuk kepada semangat Huminodun – Unduk Ngadau berasal dari perkataan <i>Runduk Tadau</i> yang bermaksud 'gadis dinobatkan sebagai sinar cahaya matahari
28.	Tarian Sumazau	/		Tulisan Noor Aina Dani (1989), Hanafi Hussin (2003) dan Low Kok On dan Sri Ningsih (2013) turut mencatatkan bahawa pakar upacara yang mengendalikan upacara memuja semangat padi telah berada dalam keadaan menurun dan bergerak-gerak bagaikan orang yang sedang menari. (M/S:122) ASAL USUL TARIAN TRADISIONAL PELBAGAI BUDAYA DI LUAR DAN DI SABAH
Bil.	Aktiviti	Keagamaan	Kebudayaan	Keterangan
29.	Tarian Bajau atau Persembahan Panansang	/		Persembahan Panansang dalam pelaksanaan ritual yang dilakukan. Hal ini berkaitan dengan struktur persembahan yang melibatkan fenomena dalam ruang dan masa, meliputi alam fizikal dan alam ghaib serta kedudukan manusia dalam ruang menurun tersebut

				Persembahan Tarian Penansang Dalam Ritual Masyarakat Bajau Lautyeon Amsalie @ Amsalib Pisali Sharifuddin Zainal Humin Jusilin Mestrah Lauk
30.	Tarian Magunatip / Tarian Buluh (Murut)		/	Tarian Limbai dan Runsai etnik Bajau di Kota Belud, tarian Daling-daling etnik Suluk di Semporna dan tarian Adai-Adai etnik Brunei di Papar. (m/s114) Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah The Various Traditional Origins Of Cultural Dance Outside And In Sabah Sri Ningsih Sukirman
31.	Tarian Sumayau	/		Tarian tradisional etnik peribumi Sabah, iaitu ritual penyembuh penyakit, ritual pemujaan semangat padi dan ritual tolak bala (m/s 111,2020) Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah Sri Ningsih Sukirman
32.	Tarian Mongigol-Sumundai (Etnik Rungus)	/		Mongigol hanya ditarikan oleh penari lelaki sahaja, manakala Sumundai ditarikan oleh penari perempuan sahaja. Pa asalnya, kedua-dua tarian ini ditarikan dalam upacara memohon pengampunan daripada dewa-dewi supaya etnik Rungus terhindar

				daripada penyakit, kemalangan, tanaman yang tidak subur, kematian, banjir besar dan kemarau yang panjang. (m/s 112,2020) Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah
33.	Lansaran (Etnik Murut)	/		Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah
34.	Tarian Sumanggak kepunyaan etnik Tombonuo di daerah Pitas,	/		Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah
35.	Tarian Limbai dan runasi (Bajau Kota belud)	/		Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah
36.	Daling-daling etnik Suluk di Semporna	/		Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah
37.	Daling-daling etnik Suluk di Semporna	/		Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya Di Luar Dan Di Sabah

LAMPIRAN B

SENARAI FATWA MUFTI MENGENAI PENYERTAAN PENGANUT ISLAM DI RIBI DAN PERAYAAN AGAMA BUKAN ISLAM

24 OKTOBER 2024

Disediakan oleh:

**Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional**

**SENARAI FATWA MUFTI MENGENAI PENYERTAAN PENGANUT ISLAM DI RIBI DAN
PERAYAAN AGAMA BUKAN ISLAM**

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
1.	Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 12 April 2005 Bahagian Dakwah, Jakim, 21 Disember 2015 Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 Apr 2005 telah membincangkan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa: Dalam menentukan perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut; 1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam. Maksud "bertentangan dengan akidah Islam" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam. Contohnya; i. menyertakan simbol-simbol agama seperti salib, memasang lampu, lilin, pokok krismas dan sebagainya.

		ii. menyanyikan lagu-lagu bercirikan agama. iii. meletakkan apa-apa tanda bercirikan agama pada dahi, atau tanda-tanda lain pada anggota tubuh. iv. memberikan ucapan atau isyarat yang berbentuk pujian kepada agama orang bukan Islam. v. tunduk atau melakukan perbuatan seolah-olah menghormati upacara agama orang bukan Islam. 2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak. Maksud "bertentangan dengan syarak" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam. Contohnya: i. Memakai pakaian berwarna merah seperti santa claus atau pakaian lain yang melambangkan agama; ii. Menghidangkan minuman atau makanan yang memabukkan dan seumpamanya; iii. Mengadakan bunyi-bunyian atau hiasan seperti loceng gereja, pokok krismas, kuil atau memecah kelapa; iv. Mengadakan acara yang berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya. 3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan "perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam" di negara ini. Maksud "bercanggah dengan pembinaan akhlak
--	--	---

		dan budaya masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam Negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Contohnya: i. Percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan; ii. Berpakaian yang menjolok mata; iii. Mendendangkan lagu-lagu yang mempunyai senikata berunsur lucah serta pemujaan; iv. Mengadakan program seperti pertandingan ratu cantik, laga ayam dan sebagainya. 4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam”. Maksud “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka. Contohnya: i. Ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam; ii. Ucapan-ucapan yang menghina umat Islam; iii. Ucapan-ucapan yang menghina agama Islam; iv. Persembahan yang bertujuan mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam. 5. Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis
--	--	--

		perayaan orang yang bukan beragama Islam. https://www.Islam.gov.my/ms/garis-panduan/470-garis-panduan-orang-Islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-Islam
2.	Melihat Ke Hadapan Dalam Isu Ziarah Rumah Ibadah	Laman Web Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri Pandangan daripada Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 29 Mac 2023 “Sebagai Muslim, kita dituntut agar sentiasa menjaga dan memelihara jati diri sebagai seorang Muslim. Selagi mana pergaulan kita dengan bukan Muslim tidak melampaui batas-batas yang digariskan agama, maka tidak menjadi suatu kesalahan untuk kita menyantuni orang bukan Muslim kerana itu sememangnya menjadi karakter agama Islam yang sentiasa menyeru kepada keamanan dan keharmonian beragama.” “Usul penting untuk penilaian pihak yang berkepentingan dan berautorit.” “Sekiranya ia dianjurkan oleh pihak Kerajaan Malaysia, saya melihat ia lebih tepat dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan bukannya agensi di bawah kementerian lain. Justifikasinya adalah:” 1. Kementerian Perpaduan Negara menaungi Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI). Ini menjadikan programnya lebih berpusat dan menepati bidang tugas dan tujahan kementerian. 2. Jawatankuasa HARMONI dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan keahlian seramai 24 orang pemimpin badan-badan agama atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan disenarai pendek oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

		3. Jawatankuasa Teknikal HARMONI pula dianggotai oleh Kementerian Perpaduan Negara, JAKIM dan Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) dengan dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Ketua Pengarah JAKIM. Maka, gerak kerjanya jelas lebih tersusun dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak yang berkepentingan. 4. Pihak-pihak yang terlibat samada di peringkat Kerajaan atau NGO yang menganjurkan program tersebut hendaklah memastikan semua peserta mendapat penjelasan yang terperinci daripada wakil-wakil agama yang selayaknya, bagi mengelakkan kekeliruan dan salah paham. Saya tidak mahu program sebegini menjadi tempat untuk mengeji atau merendahkan mana-mana agama. Laman Web Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Al-Mawaqif: https://zulkifli.albakri.com/20-al-mawaqif-melihat-ke-hadapan-dalam-isu-ziarah-rumah-ibadah/
3.	Pesta Tanglung & Kuih Bulan: Satu Sisi Pandang	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 5 Oktober 2017 .."Perayaan yang pelbagai dalam kalangan masyarakat Malaysia ini memberi peluang kepada kita untuk saling mengenali dan memahami antara satu sama lain disamping menghormati adat dan budaya masing-masing. Setelah meneliti beberapa sisi sejarah, mitos serta falsafah Pesta Tanglung ini, kami berpandangan ianya adalah harus dan dibenarkan di sisi Islam." Di sini, 'illah pengharamannya iaitu unsur-unsur aqidah dan kepercayaan masyarakat Cina telah terhapus pada masa sekarang ini. Ia lebih dilihat sebagai festival kekeluargaan dan kegembiraan semata-mata. Maka, ianya bukan lagi boleh dikategorikan sebagai sebuah perayaan keagamaan. Selain itu, sejarah dan mitos yang kabur dan bercampur aduk ini menyebabkan ianya tidak boleh dihukum dengan tetap sebagai

	sebuah perayaan keagamaan. Kami lebih melihatnya sebagai pesta kebudayaan. Dari prinsip ini, seseorang dapat menetapkan hukum atau melakukan perubahan sesuai dengan perubahan waktu (zaman). Suatu ketentuan hukum yang ditetapkan oleh seorang mujtahid mungkin saja mengalami perubahan karena perubahan waktu, tempat, keadaan, dan adat. Oleh karena itu, ketentuan hukum sangat mungkin berubah karena pertimbangan dua perkara iaitu lingkungan tempat (zarf al-makan) dan lingkungan waktu (zarf al-zaman). Setelah kami merujuk kepada para panel berbangsa Cina bagi Unit Konsultasi Akidah Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, maka kami berpandangan bahawa hukum menyambut Pesta Tanglung adalah diharuskan dengan mematuhi beberapa garis panduan di bawah: 1. Tidak ada sebarang unsur-unsur keagamaan ataupun kepercayaan yang bertentangan dengan syariat Islam seperti menulis doa-doa pada tanglung atau menyebut nama Dewi Bulan atau mana-mana dewa-dewi. 2. Tidak mempercayai akan terkabulnya hajat dengan perbuatan membakar dan melepaskan tanglung ke udara. Membakar tanglung itu perlu dianggap sebagai satu bentuk produk budaya dan adat sematamata. Boleh juga digantikan doa tersebut dengan kata-kata motivasi dan nasihat bagi mengelakkan penyerupaan dengan kepercayaan asalnya. 3. Tanglung yang dibawakan mestilah bebas daripada unsur khurafat dan hanya dilihat sebagai satu produk seni dan budaya masyarakat Cina. 4. Bagi masyarakat Muslim atau secara khususnya Muslim Tionghoa, sewajarnya Pesta Tanglung dijadikan sebagai medium dakwah yang baik untuk menjelaskan sifat rahmat Islam kepada seluruh manusia. Kami (Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan) juga berpendapat apabila ianya bukan asal kebudayaan dalam Islam, hendaklah dilihat adakah ia bercanggah dengan syariat. Ini kerana, asal pada perkara muamalat adalah harus
--	---

		melainkan ada dalil mencegahnya. Justeru dalam kes tanglung ia lebih kepada adat yang sudah terpisah dengan maksud asal jika adapun ia. Begitu juga sebagaimana mercun, persembahan tarian naga, acara makan Yee Sang, kuih bulan, pertandingan layang-layang dan lain-lain yang pada asalnya berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Cina, kini sudah menjadi hal budaya yang boleh dinikmati dan dikongsi bersama. Contoh lain adalah penggunaan colok dalam kalangan masyarakat Muslim di China. Umum mengetahui bahawa ia digunakan untuk berdoa tetapi di sana, ia digunakan oleh Muslim di China untuk mewangikan masjid. Walaupun begitu hendaklah meraikan dhawabit (garis panduan) yang kami nyatakan. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/647-bayan-linnas-siri-ke-118-pesta-tanglung-kuih-bulan-satu-sisi-pandang
4.	Islam Dan Tahun Baru Cina	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 11 Februari 2016 Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan Dalam sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama, bangsa yang majmuk, adat dan budaya yang berlainan seperti Malaysia, sudah tentu ia menjadikan kita lebih terbuka dan bertolak ansur (<i>tasamuh</i> dan toleransi) tanpa menggadaikan prinsip-prinsip utama Islam. Berikut merupakan beberapa garis panduan yang kami cadangkan kepada semua umat Islam yang ingin terlibat dalam sambutan perayaan bangsa lain untuk sama-sama diteliti dan diaplikasikan: 1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam. Maksud “bertentangan dengan akidah Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam. 2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan

		perbuatan yang bertentangan dengan syarak. Maksud “bertentangan dengan syarak” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam. 3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan “perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” di negara ini. Maksud “bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam Negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah. 4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam”. Maksud “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka. 5. Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam. Kami dapati sambutan Tahun Baru Cina yang dilakukan oleh kebanyakan pemimpin masyarakat Cina dan juga disertai oleh pemimpin negara atau negeri yang beragama Islam, masih di ruang lingkup yang dibenarkan oleh Islam. Ini kerana, ia bertujuan untuk menjaga dan memelihara hubungan masyarakat dan lebih kepada hidup dalam kontrak sosial yang diraikan tanpa menggadaikan prinsip agama. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-
--	--	--

		linnas/1829-bayan-linnas-siri-48-hukum-menyambut-tahun-baru-cina
5.	Hukum Mengucapkan "Merry Christmas" Kepada Mereka Yang Beragama Kristian	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 19 Disember 2016 Keputusan Institusi Fatwa • Harus mengucapkan tahniah kepada orang bukan Muslim merayakan perayaan mereka itu dengan lafaz yang tidak bertentangan dengan akidah Islamiyyah dan perbuatan ini termasuk di bawah bab Ihsan. • Diharuskan untuk mengucapkan <i>Merry Christmas</i> apabila wujud keperluan untuk mengucapkannya bagi menyuburkan semangat muhibbah dan memperbaiki ketegangan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Apatah lagi dalam konteks pemimpin bagi masyarakat majmuk, kaum keluarga yang memiliki anggota Islam dan bukan Islam, kejiranan dan rakan sekerja. Sekiranya tidak ada keperluan seperti yang disebutkan, kami cenderung kepada makruhnya ucapan tersebut kerana ia boleh menimbulkan fitnah atau perpecahan dalam kalangan umat Islam. • Penyertaan orang Islam dalam majlis sambutan Krismas hanyalah pada kadar yang diperlukan sahaja seperti jamuan makan atau bergambar. Adapun memakai pakaian tertentu yang lazim dipakai semasa sambutan Krismas, kami melihat tidak ada keperluannya dan tidak boleh dilakukan. • Ucapan tersebut hanya sebagai tanda menjaga hubungan baik, tiada paksaan dalam agama dan tidak bertujuan mengagungkan dan memuliakan agama lain. • Dibolehkan untuk menerima atau memberi hadiah kerana Rasulullah SAW sendiri pernah menerima hadiah daripada Raja al-Muqawqis yang tidak beragama Islam. Saidina Umar juga pernah menghadaikan baju kepada saudaranya yang bukan Muslim. • Diharamkan untuk memberi hadiah berupa arak dan perkara yang tidak diizinkan syarak. • Namun tidak boleh diniatkan pemberian itu sempena perayaan mereka, untuk mengeluarkan diri daripada larangan memberi hadiah kepada orang kafir semasa

		perayaan mereka. Niatkanlah secara umum untuk memberikan hadiah. Sesungguhnya amalan itu berdasarkan niat. • Dibolehkan untuk hadir ke majlis orang bukan Islam sekiranya ianya diadakan di luar rumah ibadat seperti di dewan orang ramai, padang, pejabat atau rumah, untuk tujuan yang berkait dengan adat seperti jamuan makan yang dihidangkan makanan yang halal. Sekiranya majlis tersebut diadakan dalam rumah ibadat pada hari perayaan, maka makruh bagi orang Islam untuk menghadiri diri. Kenyataan Mufti Wilayah Setelah kami amati dan tekuni isu ini dengan berhemah, di samping membincangkan dengan pakar serta kembali kepada rujukan yang muktabar sebagaimana yang telah dilampirkan kesemuanya di atas, maka kami berpendapat hukum mengucapkan Merry Christmas, dan ucapan-ucapan lain yang bermaksud tahniah dan selamat, adalah harus dengan meraikan garis panduan yang telah kami nyatakan. Ini juga selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007: "<i>Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya kepada orang bukan Muslim sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Muslim serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.</i>" https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2099-bayan-linnas-siri-ke-81-hukum-mengucapkan-merry-christmas-kepada-mereka-yang-beragama-kristian
--	--	---

5.	Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain Dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian Di Gereja	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 8 Oktober 2018 Kesimpulannya, kami berpandangan bahawa hukum asal seorang Muslim masuk ke dalam rumah ibadat agama lain ialah harus jika mempunyai tujuan yang diharuskan syarak, seperti untuk berdakwah, memenuhi jemputan berdialog antara agama dan sebagainya. Namun kehadiran sewaktu hari perayaan keagamaan mereka adalah tidak dibenarkan. Seorang Muslim itu juga diharuskan untuk hadir ke majlis perkahwinan di gereja, bahkan disunatkan jika yang berkahwin itu adalah terdiri daripada keluarga, sahabat handai, jiran tetangga, atau jika kehadiran kita itu mampu memberi sumbangan kepada dakwah Islam. Agama Islam tidak pernah memutuskan silaturahim sesama keluarga meskipun wujud perbezaan agama dan tidak melarang ikatan persaudaraan dan persahabatan dengan bukan Islam. Namun kehadiran itu mestilah terbatas sebagai hadirin biasa dan tidak boleh terlibat dengan sebarang proses ritual seperti membaca doa, mengiringi pasangan pengantin masuk ke gereja atau berada di 'altar' (pentas) sewaktu proses perkahwinan yang diupacarakan paderi sedang berlangsung. Selain itu, sebarang aktiviti yang bercanggah dengan syari'at Islam seperti tarian, minum arak dan pergaulan bebas lelaki dan wanita wajib dielakkan walau dengan apa jua cara sekalipun. Jawapan kami ini selaras dengan konsep fiqh al-ta'ayush yang telah sekian lama diamalkan oleh Syeikh al-Azhar al-'Allamah Ahmad al-Thayyib dan juga Darul Iftaa' Mesir yang mengharuskan seorang Muslim memasuki gereja dan rumah ibadat agama lain, samada untuk melancong, menyaksikan majlis perkahwinan atau penghormatan kepada jenazah, selagimana tidak melanggar batas-batas agama. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-
----	--	---

		memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja
7.	Doa Bersama Dengan Bukan Islam Dalam Satu Majlis	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 18 Disember 2018 Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-113 telah memutuskan larangan bagi orang Islam untuk melibatkan diri dalam majlis doa beramai-ramai yang dianjurkan oleh orang bukan Islam, atau dalam majlis yang dibacakan doa yang tidak difahami maksudnya (Lihat <i>Hasyiah al-Jamal</i>, 2/119), atas dasar <i>sadd al-zara'i</i> (menutup jalan-jalan kerosakan) untuk mengekang fahaman pluralisme agama yang bertentangan dengan kebanyakan agama-agama, dan mengekang penyebaran agama lain kepada penganut agama Islam berdasarkan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2883-bayan-linnas-siri-ke-156-doa-bersama-dengan-bukan-Islam-dalam-satu-majlis
8.	Had Berinteraksi Dengan Agama Lain Di Dalam Rumah Ibadat Mereka Di Malaysia	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 12 November 2018 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 berkenaan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam. Garis Panduan Berinteraksi Dengan Agama Lain Di Dalam Rumah Ibadat Mereka Berdasarkan pembentangan di atas, kami perturunkan di sini garis panduan ringkas bagi sesiapa yang terlibat dengan keadaan di atas: • Tidak melakukan apa jua perbuatan yang menyerupai ritual agama lain seperti isyarat kepala atau tangan yang

		menunjukkan penghormatan kepada sesembahan mereka; • Tidak mengucapkan apa jua ungkapan yang menggambarkan pengiktirafan kepada agama dan sesembahan mereka; • Tidak memakai apa jua pakaian khas yang merujuk kepada perlambangan agama mereka seperti pakaian paderi Kristian, sami Hindu dan guru Sikh; • Tidak memakai apa jua peralatan yang memiliki simbol khas agama lain seperti memakai rantai salib, membuat tanda keagamaan di dahi dan memakai kalungan bunga; • Tidak terlibat dengan apa jua ritual yang dilakukan dalam apa jua bentuk dan keadaan sekalipun; • Tidak memasuki rumah ibadat mereka ketika mana upacara ritual agama sedang berlangsung; • Tidak memasuki rumah ibadat mereka pada ketika perayaan keagamaan sedang dilangsungkan. • Begitu juga, tidak memaki dan mencaci serta menghina tuhan-tuhan agama mereka. Hal ini seperti yang dinaskan oleh al-Quran. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan seperti berikut: a. Hukum asal umat Islam masuk ke dalam rumah ibadat bukan Islam adalah harus. Ini kerana, Islam amat menggalakkan umatnya memelihara hubungan baik dan harmoni dengan golongan bukan Islam demi menjamin kerukunan hidup dapat dikecapi khususnya dalam konteks sebuah negara; b. Islam menetapkan garis panduan yang jelas dalam menyantuni golongan bukan Islam selagi mana ia tidak menyentuh kesucian aqidah dan syariat Islam apatah lagi ketika berada dalam rumah ibadat mereka; c. Seorang muslim tanpa mengira status dan kedudukannya wajib memelihara batas-batas yang digariskan oleh syarak demi menjamin segala tindakan, perbuatan dan percakapannya tidak melampaui batas sehingga mampu
--	--	---

		menjejaskan aqidahnya sama ada secara sedar atau tidak, secara langsung atau tidak langsung; d. Masyarakat awam tidak boleh dengan cepat menghukum sesuatu tindakan, perbuatan atau percakapan itu terkeluar daripada Islam kecuali setelah diteliti, dikaji dan dirujuk kepada pihak berkuasa agama. Ini bagi mengelakkan fenomena bermudah-mudahan dalam kafir mengkafir sesama umat Islam sehingga mencetuskan huru hara dalam masyarakat. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2755-bayan-linnas-siri-ke-152-had-berinteraksi-dengan-agama-lain-di-dalam-rumah-ibadat-mereka-di-malaysia
9.	Hukum Memakai Bindi Dan Sari Di Dalam Islam	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Irsyad Hukum, 19 Januari 2021 ..“hukum memakai Bindi di dahi adalah diharamkan kerana ia merupakan simbol atau identiti yang digunakan di dalam agama Hindu.” Islam tidak melarang umatnya untuk memakai pakaian tradisional bangsa lain selagi mana pakaian tersebut bukan pakaian ritual agama dan pakaian rasminya. Namun etika pemakaian di dalam Islam wajib dipatuhi seperti menutup aurat, tidak Nampak bentuk tubuh badan serta tidak mendatangkan fitnah. Selain itu, Islam juga melarang umatnya tidak berlebih-lebihan dalam perhiasan dan juga pemakaian serta boleh menimbulkan perasaan sombong dan angkuh di dalam diri. (<i>Bindi</i> merupakan perhiasan yang sangat penting bagi penganut agama Hindu, iaitu dengan meletakkan tanda pada dahi di antara kedua bulu kening dan ia juga disebut sebagai <i>Tika</i>, <i>Pottu</i>, <i>Sindoor</i>, <i>Tilak</i>, <i>Tilakam</i> dan <i>Kumkum</i> dengan saiz kecil atau besar yang berbentuk bulat. Bindi dihiasi pada dahi yang diambil daripada perkataan Sanskrit iaitu “<i>Bindu</i>” membawa maksud sebagai mistik mata ketiga bagi seseorang. Mitos dan kepentingan <i>Bindi</i> apabila diwarnakan

		dengan warna merah yang digunakan secara tradisional disebut sebagai <i>Sindura</i> atau <i>Sindoor</i> yang membawa maksud merah dan mewakili <i>Shakti</i> (kekuatan). Ia juga membawa maksud sebagai simbol cinta. Begitu juga sebagai pertanda yang baik "<i>Sindoor</i>" diletakkan di kuil atau ketika hari perayaan dicampurkan dengan kunyit (berwarna kuning) melambangkan kecerdikan terutamanya ketika berada di kuil-kuil yang dikhususkan untuk Shakti, Lakshmi dan Vishnu). https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4652-irsyad-al-fatwa-siri-ke-545-hukum-memakai-bindi-dan-sari-di-dalam-Islam
10.	Hukum Orang Islam Menggantungkan Tanglung Tahun Baru Cina	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Al- Kafi Li Al-Fatawi, 3 Februari 2022 Hukum menggantung perhiasan tanglung adalah dibolehkan selagi mana perhiasan tersebut bukan perhiasan ritual keagamaan atau syiar dan simbol bagi agama lain. Namun, umat Islam dinasihatkan agar berhati-hati dengan penggunaan tanglung agar tidak mempercayai apa-apa unsur khurafat serta tidak menulis hajat dan doa-doa pada tanglung. Tanglung yang digunakan mestilah bebas dari unsur-unsur tersebut dan dilihat hanya sekadar bahan seni dan budaya masyarakat cina. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5111-al-kafi-1854-hukum-orang-Islam-menggantung-tanglung-tahun-baru-cina
11.	Hukum Umat Islam Melibatkan Diri Dalam Perarakan Sambutan "Sun Wu Kong Festival Parade"	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Irsyad Hukum, 9 November 2022 Penglibatan umat Islam dalam perarakan sambutan "SUN WU KONG FESTIVAL PARADE" adalah dilarang menurut syarak. Hal ini kerana sambutan tersebut melibatkan upacara yang bertentangan dengan akidah Islam. Oleh itu, umat Islam hendaklah sentiasa cakna dan peka terhadap sesuatu perkara terutama apabila melibatkan perkara-perkara akidah. (Sun Wu Kong merupakan lagenda monyet yang sering diceritakan dalam kebanyakan karya

		Hikayat Klasik Cina. Sun Wu Kong lahir pada hari ke-16 bulan ke-8 mengikut kalendar Lunar iaitu sehari selepas sambutan Perayaan Kuih Bulan.) https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5433-irsyad-al-fatwa-siri-ke-727-hukum-umat-Islam-melibatkan-diri-dalam-perarakan-sambutan-sun-wu-kong-festival-parade
12.	Penglibatan Islam Dalam Majlis Yang Terdapat Keagamaan Islam Orang Bukan Ritual	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 24 Ogos 2023 Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-113 yang bersidang pada 22 Januari 2019 telah membincangkan perkara berkenaan dengan Hukum Berdoa Bersama-sama dengan Orang Bukan Islam dalam Satu Majlis. Fatwanya adalah seperti yang berikut: 1. Hukum orang Islam meminta atau mengarahkan orang bukan Islam bersama-sama berdoa mengikut anutan agama masing-masing dalam satu majlis yang dihadiri oleh penganut pelbagai agama adalah haram. 2. Orang Islam adalah dilarang daripada menganjurkan atau menghadiri apa-apa majlis yang melibatkan upacara keagamaan agama lain. 3. Pengharaman dan larangan ini sebagai usaha Sadd azzara'i untuk mengekang penyebaran agama lain dan fahaman pluralisme agama kepada orang Islam. 4. Bagi maksud Fatwa ini, usaha Sadd azzara'i merupakan tindakan yang dilakukan dengan tujuan untuk menutup pintu-pintu atau jalan-jalan yang boleh membawa kepada kerosakan akidah. 5. Walau apa pun, perenggan 1, 2 dan 3, orang Islam tidak dianggap berdosa, jika berada dalam majlis yang tidak melibatkan upacara keagamaan agama lain dan terdapat orang bukan Islam yang berdoa mengikut anutan agama masing-masing dengan kehendak mereka sendiri. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan ingin menegaskan kewujudan pelbagai agama satu

		realiti yang diterima oleh semua masyarakat Malaysia. Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kepelbagaian ini, walau bagaimanapun bagi orang Islam ada batas-batas akidah dan hukum syarak yang perlu dijaga dan dipertahankan agar tidak terjebak kepada kesyirikan. Meraikan kepelbagaian bukan bermaksud mengiktiraf keabsahan agama lain sehingga sanggup berkompromi dalam hal-hal yang bersifat prinsip. Pada masa yang sama keharmonian kehidupan dalam kepelbagaian agama dalam masyarakat yang ada mesti dipertahankan kerana ia juga adalah sebahagian daripada ajaran Islam. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/5732-bayan-linnas-siri-ke-271-penglibatan-orang-Islam-dalam-majlis-yang-terdapat-ritual-keagamaan-bukan-Islam
13.	Hukum Orang Islam Menyertai Perayaan Bon Odori	Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Bayan Linnas, 22 Jun 2022 Mengenai perayaan Bon Odori, walaupun dikatakan ia telah berevolusi sebagai hanya semata-mata perayaan yang bersifat kebudayaan dengan aktiviti sosial kekeluargaan, namun umat Islam wajib mematuhi hukum-hakam syarak dalam menghadiri sesuatu majlis atau tempat perayaan. Sekiranya dalam majlis berkenaan ada unsur-unsur yang bertentangan dengan syarak seperti pergaulan bebas, mendedahkan aurat, meminum arak dan sebagainya, maka wajib bagi umat Islam menghindarkan diri dari terlibat dalam aktiviti berkenaan. Walaubagaimanapun adalah dicadangkan satu kajian lebih lanjut dilaksanakan untuk memastikan kedudukan sebenar perayaan ini dalam realiti pelaksanaannya pada hari ini samaada ia masih mempunyai hubungan dengan kepercayaan yang bersifat keagamaan atau semata-mata kebudayaan yang telah terputus dari kepercayaan yang asal. Ini bagi memastikan sikap dan pendirian orang Islam terhadap Bon Odori adalah benar-benar menepati hukum syarak. Berkaitan dengan isu ini, jika sekiranya ia semata-

		mata budaya, boleh merujuk kepada penjelasan kami terhadap isu-isu Orang Islam Menggantong Tanglung https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/5287-bayan-linnas-siri-ke-254-hukum-orang-Islam-menyertai-perayaan-bon-odori
14.	Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Hukum ‘ucapan Selamat’ Sempena Perayaan Agama Lain ”	Jabatan Mufti Sabah 7 Disember 2017 Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2017 telah bersidang pada 21-23 Februari 2017M/24-26 Jamadilawal 1438H, bertempat di Bilik Likas, Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Hukum ‘Ucapan Selamat’ Sempena Perayaan Agama Lain” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di negeri Sabah bahawa: 1. Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam yang melibatkan akidah atau iktikad dalam hal-hal yang berkaitan dengan Perayaan orang bukan Islam seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam. 2. Walau bagaimanapun, sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara orang Islam dan orang bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam. 3. Memberi ucapan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas(SMS) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut. https://mufti.sabah.gov.my/images/laman-utama/perkhidmatan-asas/e-fatwa/keputusan_mfns/Fatwa Hukum Ucapan Selamat Sempena Perayaan Agama Lain.pdf

15.	Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Selamat Sempena Perayaan Agama Lain	Jabatan Mufti Negeri Sarawak Sosial Dan Kemasyarakatan, 21 Mac 2023 - Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-40 pada 28 Syaban 1444 bersamaan 21 Mac 2023 telah memutuskan berkaitan Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah dan Selamat Bersempena Perayaan Agama Lain seperti berikut: Memberi ucapan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus. - Walau bagaimanapun, keharusan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut: Tidak melibatkan akidah dan iktikad seperti mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam; Tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut; dan - Untuk tujuan semata-mata menjaga kemaslahatan dan keharmonian kaum seperti perpaduan, kemasyarakatan dan hubungan sosial antara orang Islam dan bukan Islam - Mesyuarat bersetuju menerima keputusan tersebut sebagai garis panduan dan tidak diwartakan. https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_d/fDNSK25seHZiWIBnWGNiY3NqY2ROdz09OigRXkUAj_Oca_2q49-ymmGrVDk0VWnrbGowMDImY3pyYXIIElqdz09OipDiBtxv0fRc5o2ribFZ1IS/FATWA/WUINQIZmZhYqWNHdScy94NnVjZz09OirUBoMcTV4C3HxkriKT_Lvg/SFczWWd2VFdHSTJ4UnlvVmQ0K2hHZZ09OipXyYg8483X-Bdiw3PTsT6F/FATWA/ZTJhThpKaThXmVhKWFFaUjKzZC9TUT09OirBpaJmCbFz5ne8NNI8-QeWDd0bUVKSmhIVXdvMHRJaTYvZDg5Zz09OirQ3zCpLnB4nkYYvrgCTI1w/FATWA/ejBBN2d1VFpaZ05xyVRiU3pHU1dadz09OirheZMNIHdUo-Cf0zzaW9gWwVZ1MzjYXJQdDhZdIBYbzZnbWfJZz09Oip2gwJXqvSFPxIN-b9IS1P/FATWA/QTg1OEpGcVZTME1WZjI0WxV1UkIHdz09OigA4tnILF8A1beN_BJ7HRci/ZEZHdF5OFJnSEnQk5kcnJrTnlOZz09OipX2aamWo5Cs4Th1re0-L5c/FATWA/
16.	Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara	Jabatan Mufti Negeri Sarawak Sosial Dan Kemasyarakatan, 21 Mac 2023 Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-17 Yang Bersidang Pada 1 Syaaban 1431 Bersamaan 13 Julai 2010 Telah Memutuskan Bahawa: Islam Melarang Umatnya Daripada Terlibat Dalam Apa Jua Amalan Yang Bersifat Ritual Atau Upacara Agama Bukan Islam. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju

		memutuskan bahawa umat Islam dilarang menyertai aktiviti <i>Candlelight Vigil</i> kerana ia mengandungi unsur-unsur <i>tasyabbuh</i> dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam. https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/R0IRNnZmWnpHME00TE5IK3d6VCtPUT09Ojr09lrDeBDRjoRpzscce1-g/U09ncEFKYWlrdVIEQ3lpbVlmbnRkUT09Ojp9pNWspPCfkQOuggyYdVG3/FATWA/
17.	Hukum Meminta Orang Bukan Islam Sama-Sama Berdoa Mengikut Anutan Masing-Masing Dalam Satu Majlis Yang Dihadiri Oleh Penganut Pelbagai Agama	Jabatan Mufti Negeri Sarawak Sosial Dan Kemasyarakatan, 4 November 2009 Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-16 yang bersidang pada 16 Zulkaedah 1430 bersamaan 4 November 2009 telah memutuskan bahawa: - Doa tergolong di dalam perkara ibadah kepada Allah SWT dan ia hendaklah dilakukan sebagai suatu acara yang tidak bertentangan dengan roh ibadah dan rasa tawaduk kepada Allah SWT kerana bagi orang Islam memohon dan mendoakan sesuatu hanyalah kepada Allah SWT sahaja. - Orang Islam tidak harus meminta atau mengarahkan orang bukan Islam berdoa mengikut agama mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, jika mereka berdoa atau memohon sesuatu mengikut ajaran mereka dengan kehendak mereka sendiri tanpa diarahkan, perbuatan tersebut tidak dilarang. https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_dl/RXBZNTkzT3ZXMC9TRVBPbmdQNE85dz09OjqTcUbuRXUV6VYUpN43iHsZ/TTZvUUK4SERCKzhkamIETzU1NmFmZz09Ojoq0JYod-dVkimAJZx5DIT2/FATWA/
18.	Kedudukan Senaman Yoga Di Kalangan Umat Islam	Jabatan Mufti Negeri Sarawak Sosial Dan Kemasyarakatan, 27 November 2008 Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-15 yang bersidang pada 29 Zulkaedah 1429 bersamaan 27 November 2008 telah memutuskan bahawa: Senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak

		sebelum Masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah umat Islam. Oleh itu, apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam. Sekiranya senaman yang dibuat tidak sama seperti posisi di dalam yoga atau menambah posisi yang lain, tidak disertai dengan niat, tidak mengikut waktu ibadah agama Hindu dan tiada mantera, maka hukumnya adalah harus. https://itibyan.sarawak.gov.my/web/itibyan/share/public_att_d/Tm5yRHNNVnBLRi8rTXJ6cDcrWUNuQT09Ojr0usxaxBc-BPU2i-dm8n6Q/emtpbG9oVx6aWpMREVKUNUN6OExmZz09OjqxK3-7pPN6YLT9Z9kaISTZ/FATWA/
19.	Hukum Sempena Agama Lain Ucapan Perayaan	Jabatan Mufti Negeri Perlis Prof Dato Arif Perkasa Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin, 29 Disember 2019 .."boleh mengucapkan selamat hari raya kepada penganut agama lain sempena perayaan mereka dengan syarat ucapan tersebut tidak mengandungi ungkapan yang syirik atau kufur seperti menyebut 'anak Allah' atau tuhan selain Allah. Maka, memadai sekadar 'selamat hariraya' atau 'selamat bergembira' atau seumpamanya. Hal ini lebih dituntut jika semasa hari raya Islam mereka mengucapkannya." "Namun, seorang muslim tidak boleh turut merayakan hari raya agama lain. Sebabnya, perayaan agama merupakan upacara agama. Bukan muslim pun tidak patut disuruh merayakan hari raya kita. Perpaduan antara kita sesama rakyat muslim dan bukan muslim bukan dengan berkongsi hariraya, tetapi dengan keadilan, berbuat baik dan tidak menzalimi antara satu sama lain." https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/190-hukum-ucapan-sempe-na-perayaan-agama-lain-2
20.	Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Perayaan Bukan Islam	Jabatan Mufti Negeri Perlis

	Dalam Konteks Malaysia	9 Disember 2019 Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-29/2017 Melakukan kebaikan kepada golongan bukan Islam oleh orang Islam adalah sesuatu yang dituntut. Walau bagaimanapun, usaha melakukan kebaikan tersebut sama sekali tidak boleh bertentangan dengan akidah. Menghadiri dan turut serta melakukan upacara perayaan keagamaan bukan Islam adalah tidak dibenarkan kerana ia berkaitan dengan amalan ritual agama bukan Islam ataupun tasyabbuh yang dilarang iaitu menyerupai amalan agama selain Islam. Menghadiri majlis sambutan ataupun rumah terbuka bukan Islam yang tidak membabitkan upacara ritual agama tersebut dengan Muslim yang hadir itu adalah dibenarkan. Ini jika ada keperluan untuk melakukan hal sedemikian seperti kaum keluarga, jiran tetangga dan kepimpinan masyarakat atas dasar menjaga kemaslahatan atau kepentingan dakwah dengan syarat tidak meredhai kekufuran. Ucapan selamat bersempena dengan perayaan bukan Islam adalah isu yang menimbulkan perbezaan pandangan ulama. Berdasarkan realiti di Malaysia, adalah diharuskan ucapan selamat kepada bukan Islam jika amalan tersebut menjadi budaya dan bukan lagi amalan keagamaan. Ini dengan syarat ungkapan itu tidak mengandungi maksud kesyirikan atau kekufuran. Keharusan ini tertakluk kepada keperluan seperti menjaga kemaslahatan atau kepentingan dakwah. https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/132-hukum-penglibatan-orang-Islam-dalam-perayaan-bukan-Islam-dalam-konteks-malaysia
21.	Hukum Orang Islam Memasuki Rumah Ibadah Bukan Islam	Jabatan Mufti Negeri Perlis 22 Disember 2023

		Jawatankuasa Fatwa memutuskan hukum memasuki rumah ibadat agama lain adalah dibolehkan dengan syarat berikut: 1. Tidak bertujuan mengagungkan, mengiktiraf, berbangga, bergembira atau menyertai unsur syirik, kufur atau maksiat yang ada di dalamnya. 2. Tidak meredhai kekufuran dan maksiat yang dilihat kerana redha dengan kekufuran membawa kepada kufur dan redha dengan maksiat adalah dosa. 3. Tidak dengan sengaja menyebabkan pihak lain melihat atau menganggap ia sebagai satu pengiktirafan atau pengagungan kepada ajaran yang salah dengan adanya unsur <i>tasyabbuh</i> atau boleh menimbulkan persepsi buruk terhadap diri yang terlibat. 4. Diizinkan oleh pemilik atau pihak agama tersebut dan bukan satu pencerobohan sedangkan semua pihak berada dalam keadaan aman dan harmoni. Jika syarat-syarat ini tidak dipatuhi, maka hukumnya adalah haram bahkan boleh membawa kepada syirik atau kufur. Bagi yang bimbang tidak dapat memenuhi syarat-syarat di atas hendaklah menjauhi daripada memasuki rumah ibadah bukan Islam. Adapun jika memasuki rumah ibadah bukan Islam itu boleh membantu penganut agama lain memahami Islam, maka itu satu usaha dakwah yang digalakkan. https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/850-hukum-orang-Islam-memasuki-rumah-ibadah-bukan-Islam
22.	Fatwa Mengenai Kedudukan Senaman Yoga Bagi Umat Islam	Jabatan Mufti Pulau Pinang 8 Oktober 2009 • Bahawa senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum Masihi lagi. Senaman yoga yang menggabungkan amalan fizikal serta unsur-unsur keagamaan dan pemujaan adalah

		haram untuk diamalkan dan boleh merosakkan akidah. • Oleh yang demikian, apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam. https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/fatwa/warta/386-fatwa-mengenai-kedudukan-senaman-yoga-bagi-umat-islam-8-oktober-2009/file
23.	Fatwa Mengenai Kedudukan Senaman Yoga Di Kalangan Umat Islam	Jabatan Mufti Perak 13 Mei 2010 Senaman yoga yang berasal dari masyarakat Hindu sejak sebelum Masihi lagi merupakan gabungan amalan fizikal adalah sebahagian daripada mistik Hinduisme yang cara duduknya sama seperti yang digambarkan kepada tokong Shiva dan fikiran dikosongkan supaya dapat bersatu dengan Shiva, mengandungi unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah HARAM dan bertentangan dengan akidah umat Islam sama ada diamalkan dengan mentera atau hanya pergerakan badan. Oleh itu, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/yoga.pdf
24.	Penglibatan Orang Islam Dalam Candlelight Vigil	Jabatan Mufti Perak 24 Jun 2022 Umat Islam dilarang menyertai aktiviti Candlelight Vigil, kerana ia mengandungi unsur-unsur tasyabbuh dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam. Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat ritual atau upacara agama bukan Islam. https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/irsyad/2022/14vigil.pdf

25.	Penglibatan Orang-Orang Islam Dalam Upacara Perasmian Berunsur Keagamaan	Jabatan Mufti Kelantan 1987 Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan fatwa berikut: 1. Orang-orang yang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam perkara-perkara dan urusan-urusan keagamaan seperti merasmikan pembukaan rumah-rumah ibadat Islam dan sebagainya yang ada kaitan dengan agama Islam. 2. Pembesar-pembesar Islam tidak boleh merasmikan pembukaan rumah-rumah ibadat orang-orang bukan Islam kecuali jika difikirkan kalau tidak berbuat demikian akan mendatangkan perpecahan dan permusuhan kaum dengan syarat tidak menyertai upacara ibadat mereka. Berdasarkan keputusan fatwa seperti yang telah diterangkan itu maka pihak berkuasa agama di setiap negeri disyorkan: 1. Menasihatkan mana-mana pihak penganjur supaya tidak melibatkan orang-orang Islam dalam merasmikan upacara keagamaan yang bukan Islam dan demikianlah sebaliknya. 2. Menasihatkan pembesar-pembesar Islam di negeri-negeri berkenaan supaya tidak melibatkan diri merasmikan upacara keagamaan yang bukan Islam. https://mufti.kelantan.gov.my/index.php/component/content/article/penglibatan-orang-orang-Islam-dalam-upacara-perasmian-berunsur-keagamaan-2?catid=10&Itemid=101
26.	Fatwa Mengenai Senaman Yoga	Jabatan Mufti Kelantan 2008 Senaman Yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan

		aqidah umat Islam. Oleh itu, mesyuarat juga memfatwakan apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang untuk diamalkan oleh orang-orang Islam dan ia bertentangan dengan Syariat Islam. https://mufti.kelantan.gov.my/index.php/component/content/article/fatwa-mengenai-senaman-yoga?catid=10&Itemid=101
27.	Fatwa Larangan Senaman Yoga	Jabatan Mufti Melaka 19 November 2009 • Senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum Masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah haram menurut syariat Islam dan boleh merosakkan akidah umat Islam. • Oleh itu, apa-apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) di atas adalah haram menurut syariat Islam dan dilarang orang Islam beramal dengannya. https://muftimelaka.gov.my/wp-content/uploads/2021/02/FATWA15-Larangan-Senaman-Yoga.pdf
28.	Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Orang Bukan Islam	Jabatan Mufti Negeri Sembilan 2012 1. Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau iktikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam. 2. Walau bagaimanapun sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam. 3. Memberi ucapan tahniah dan selamat atau

		mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mail atau sistem pesanan ringkas (<i>sms</i>) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut. 4. Mesyuarat juga memutuskan untuk menerima pakai Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam dan bersetuju agar garis panduan ini diterbitkan dalam bentuk risalah atau edaran yang bersesuaian untuk makluman awam. https://muftins.gov.my/fatwa/orang-Islam-mengucapkan-tahniah-dan-ucapan-selamat-bersempena-perayaan-agama-orang-bukan-Islam/
29.	Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara	Jabatan Mufti Negeri Sembilan 2015 1. Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat <i>ritual</i> atau upacara agama bukan Islam. 2. Umat Islam dilarang menyertai aktiviti <i>Candlelight Vigil</i> kerana ia mengandungi unsur-unsur <i>tasyabbuh</i> dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam. https://muftins.gov.my/fatwa/penglibatan-orang-Islam-dalam-aktiviti-candlelight-vigil-pada-sesuatu-perhimpunan-atau-acara/
30.	Permainan Kuda Kepang	Jabatan Mufti Johor 18 Februari 2009 Setelah dilihat dan dibahaskan dengan teliti dari setiap sudut, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor membuat keputusan seperti berikut: “Permainan kuda kepang sama ada tarian biasa

		atau dramatari atau tarian gelanggang adalah haram kerana ianya bercanggah dengan aqidah, syariah, mazhab empat yang muktabar, ijma' qias dan akhlak Islamiah serta akal fikiran yang waras Semua umat Islam dilarang dan ditegah daripada melibatkan diri dengan permainan kuda kepong mereka yang bergiat dalam permainan kuda kepong hendaklah berhenti serta merta dan bertaubat dengan taubat nasuha." https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=980
31.	Fatwa Orang Islam Hadir Ke Upacara Perayaan Penganut Agama Bukan Islam	Jabatan Mufti Johor 29 Januari 2020 HUKUM UMAT ISLAM MENGHADIRI UPACARA RITUAL PERAYAAN KEAGAMAAN BUKAN ISLAM Para ulamak daripada empat mazhab, Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, telah bersepakat bahawa hukum umat Islam menghadiri upacara ritual perayaan Keagamaan bukan Islam adalah haram dan dilarang. Upacara ritual Keagamaan bukan Islam ini termasuklah di rumah ibadat mahu pun di tempat- tempat lain yang biasa dilaksanakan upacara ritual tersebut. Menurut sebilangan ulamak, hukum meraikan undangan atau jemputan ke majlis sempena perayaan bukan Islam tanpa upacara ritual keagamaan adalah harus dan dibenarkan. Contohnya majlis rumah terbuka atau majlis makan malam bersempena hari perayaan bukan Islam dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, ia hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama, sebagaimana di lampiran, bagi memastikan akidah umat Islam sentiasa terpelihara. https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=634
32.	Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti 'candle Light	Jabatan Mufti Johor 8 Jun 2009

	Vigil' Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara	Aktiviti Candlelight Vigil adalah haram disertai oleh umat Islam kerana ia mengandungi unsur-unsur ritual agama bukan Islam dan boleh membawa kepada syirik. https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=581
--	---	--